

KRISIS BAWANG

Harga tak berubah

Oleh Redzuan Muhamram
redzuan.muhamram@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Harga bawang merah tidak berubah RM6 sekilogram berbanding RM3 sebelum ini.

Maklumat itu berdasarkan tinjauan Harian Metro di Pasar Cheras dan Kajang yang menjadi antara lokasi tumpuan pengguna membeli keperluan berkenaan.


Keadaan itu bukan sahaja memberi kesan kepada pengguna, tetapi juga pe-

Desak KPDNHEP periksa

Georgetown: Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) mahu Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menjalankan pemeriksaan sekiranya terdapat sebarang sorakan membabitkan pengimpor dan pemberong bawang merah.

Situasi itu perlu dipantau kerana peningkatan harga menyebabkan harga makanan meningkat, sekali gus menjelaskan pengguna serta mencetuskan kesan berantai ke atas kos sara hidup.

Presidennya, Mohideen Abdul Kadir berkata, pengimpor mendapat barang menerusi kontrak masa hadapan di mana pembekal diwajibkan menjual pada harga ditetapkan.



HARGA bawang merah kini mencecah RM6 sekilogram.

niaga yang perlu berdepan rungutan pelanggan masing-masing.

Peniaga di Pasar Cheras, M Nadarajah, 63, berkata, buat masa ini, dia hanya menjual bawang merah yang diimport dari Pakistan, Thailand dan China kerana tidak menerima bekalan dari India disebabkan banjir di negara terbabit.

Katanya, kualiti bekalan bawang dari negara terbabit terutama China tidak begitu memuaskan dan kurang digemari pelanggan.

"India punya bawang tak (tidak) mari (masuk) sebab banjir. Jadi, yang ada hanya bawang dari Pakistan, Thailand dan China.

"Tapi kebanyakannya bawang yang datang tak elok, ada yang busuk. Pelanggan pula tak suka bawang dari China kerana rasanya lebih sedap."

"Ada pilihan lain lebih murah iaitu bawang Belanda yang dijual dengan harga RM3 sekilogram, tetapi kebanyakannya pelanggan lebih suka bawang India kerana rasanya lebih sedap."

"Tengok macam mana nanti, saya jangka harga kembali seperti dulu (turun) dalam masa sebulan dua lagi," katanya yang menjalankan perniagaan di Pasar Cheras sejak 30 tahun lalu.

Peniaga di Pasar Kajang, M Muthu, 51, berkata, pelanggan ada menyuraukan rungutan berhubung kenakan harga bawang merah, namun dia tidak dapat berbuat apa-apa kerana bukan saja dirinya, malah peniaga lain turut berdepan masalah yang sama.

Katanya, dia tiada pilihan kecuali menjual bawang diimport dari Pakistan dengan harga RM6 sekilogram kerana ketidaaan bekalan dari India.

"Segelintir pelanggan yang datang ke kedai ada bertanya kenapa harga bawang terlalu mahal berbanding dulu."

"Mereka tidak berpuas hati tetapi perkara ini di luar kawalan saya," katanya.